

07/07/2002

Pemuda anggap caci Dr Mahathir kurang ajar

PENDANG: Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan tindakan dua Ahli Parlimen Pas mencaci Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai perbuatan kurang ajar terhadap pemimpin Melayu Islam yang diiktiraf dan dihormati di seluruh dunia Islam.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata tindakan mempertahankan Dr Mahathir bukan saja kerana beliau adalah presiden parti dan Perdana Menteri tetapi sebagai seorang pemimpin yang dihormati dunia dan meletakkan bangsa Melayu ke tahap yang membanggakan.

Beliau berkata, Perdana Menteri banyak berbakti dan berjasa untuk kepentingan bangsa, agama dan tanah air berbanding dua Ahli Parlimen Kuala Kedah dan Sik, iaitu Mohammad Sabu dan Prof Datuk Shahnnon Ahmad.

"Saya minta Mat Sabu dan Shahnnon mencerminkan diri sendiri dulu, sebelum menuduh PM sebagai Tuhan, haprak, gila itu dan ini.

"Saya nak tanya apa yang mereka sudah lakukan pada Islam, bangsa dan rakyat di kawasan masing-masing, selain memecah belah, menabur fitnah, memaki hamun yang mencemarkan imej Islam di kaca mata dunia.

"Ini pemimpin yang kita perlu tolak kerana memang tidak selari dengan ajaran agama itu sendiri, selain cara dan budaya kita dibesarkan sebagai anak Melayu Muslim," katanya selepas melancarkan jentera dan Bilik Gerakan Pilihan Raya Pendang Pergerakan Pemuda BN di Kompleks Paya Mat Insun, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tiang, Rozai Shafian.

Dalam video klip itu Shahnnon menggelar Dr Mahathir sebagai 'Maha Haprak' dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai 'haprak'.

Hishammuddin berkata, adalah tidak mustahil ketika pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit nanti, akan berlaku masalah sedemikian kerana pemimpin itu sendiri sanggup meluahkan kata-kata kesat.

"Kalau inilah suasana dan budaya politik Pas selepas kematian Allahyarham Datuk Fadzil Noor yang bersikap sederhana, maka petandanya Pas kini lebih ganas.

"Ini akan mencemarkan imej Islam di kaca mata dunia yang sekarang ini dilabel sebagai agama yang ganas, mundur dan tidak mampu menerokai teknologi selain bersaing dengan penganut agama lain," katanya.

Ditanya mengenai peranan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) membantu perlakuan ganas Pas itu, Hishammuddin berkata, kehadiran parti itu kurang menonjol berbanding peranannya dalam pilihan raya sebelum ini.